



NEGERI PERLIS

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PERLIS GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 68
No. 2

9hb Januari 2025

*TAMBAHAN No. 1
PERUNDANGAN*

Ps. P.U. 1.

KANUN TANAH NEGARA

KAEDAH-KAEDAH TANAH PERLIS 2024

SUSUNAN KAEDAH

BAHAGIAN SATU

PERMULAAN

Kaedah

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN DUA

PELUPUSAN TANAH

3. Permohonan tanah Kerajaan
4. Penolakan terus permohonan oleh Pentadbir Tanah

Kaedah

5. Rekod permohonan tanah
6. Kuasa Pihak Berkuasa Negeri untuk memberi milik
7. Rekod pembayaran permohonan tanah
8. Tempoh bagi Borang 5A Akta
9. Kadar bayaran premium pelupusan tanah
10. Remitan atau pengubahan kadar premium
11. Bayaran tahunan bagi menggantikan kadar premium

BAHAGIAN TIGA

LESEN PENDUDUKAN SEMENTARA

12. Permohonan lesen pendudukan sementara
13. Fi bagi lesen pendudukan sementara
14. Pengeluaran lesen pendudukan sementara
15. Lesen pendudukan sementara dan premit disatukan
16. Rekod bagi pengeluaran lesen

BAHAGIAN EMPAT

PENGEKSTRAKAN, PEMINDAHAN DAN
PENGANGKUTAN BAHAN BATUAN

17. Permohonan pengekstrakan, pemindahan dan pengangkutan bahan batuan

BAHAGIAN LIMA

PENJUALAN TANAH KERAJAAN SECARA LELONG

18. Ukuran sebelum pelelongan
19. Harga rizab
20. Pemberitahuan pelelongan
21. Syarat-syarat penjualan tanah Kerajaan secara lelong

Kaedah

22. Proses pelelongan
23. Premium bagi tanah Kerajaan yang dijual secara lelong
24. Rekod daftar lelong
25. Rekod butiran pembeli
26. Tiada tawaran, penarikan atau kegagalan untuk menyelesaikan pembelian
27. Penglibatan pegawai semasa pelelongan

BAHAGIAN ENAM

PEMBANGUNAN TANAH

28. Kadar premium perubahan syarat nyata tanah
29. Kadar premium pelanjutan tempoh pajakan
30. Kadar denda pelanggaran syarat nyata tanah
31. Penurunan kuasa bagi pemberian ansuran kadar premium perubahan syarat nyata tanah, dsb.
32. Pengeluaran dokumen hakmilik sementara sambungan apabila tanah itu dipecah sempadan
33. Permohonan bagi permit untuk menggunakan tanah bagi maksud selain dari kategori yang ditetapkan secara sementara
34. Permohonan bagi permit untuk menggunakan tanah bagi maksud selain dari kategori yang ditetapkan bagi ladang solar secara sementara

BAHAGIAN TUJUH

CUKAI TAHUNAN

35. Cukai tahunan
36. Perubahan cukai
37. Remitan, penangguhan atau ansuran cukai tahunan
38. Tunggakan cukai
39. Pengurangan denda dan pengurangan tunggakan denda lewat bayar Cukai Tahunan

Kaedah

- 40. Fi notis
- 41. Tarikh cukai perlu dibayar

BAHAGIAN LAPAN

CARIAN

- 42. Carian rasmi dan persendirian

BAHAGIAN SEMBILAN

PELBAGAI

- 43. Pajakan tanah rizab
- 44. Permohonan permit untuk menggunakan ruang udara
- 45. Pengenaan deposit bagi permit, lesen dan sebagainya
- 46. Kesalahan boleh kompaun
- 47. Kad Kuasa

BAHAGIAN SEPULUH

FI PEJABAT

- 48. Fi yang ditetapkan untuk permohonan dan prosiding

BAHAGIAN SEBELAS

PERALIHAN DAN KECUALIAN

- 49. Peralihan dan kecualian

JADUAL 1

JADUAL 2

JADUAL 3

JADUAL 4

JADUAL 5

Kaedah

JADUAL 6

JADUAL 7

JADUAL 8

JADUAL 9

JADUAL 10

JADUAL 11

JADUAL 12

JADUAL 13

JADUAL 14

JADUAL 15

JADUAL 16

JADUAL 17

JADUAL 18

JADUAL 19

JADUAL 20

JADUAL 21

JADUAL 22

JADUAL 23

JADUAL 24

JADUAL 25

JADUAL 26

KANUN TANAH NEGARA

KAEDAH-KAEDAH TANAH PERLIS 2024

PADA menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 14 dan 445 Kanun Tanah Negara [Akta 828], Pihak Berkuasa Negeri membuat kaedah-kaedah seperti yang berikut:

BAHAGIAN SATU

PERMULAAN

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Tanah Perlis 2024**.

(2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2025.

Tafsiran

2. (1) Dalam Kaedah-Kaedah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Akta” ertinya Kanun Tanah Negara [Akta 828];

“cukai” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta;

“ladang solar” ertinya satu tapak atau kawasan, sama ada di atas permukaan tanah, bangunan atau permukaan air (solar terapung), yang menempatkan sistem solar berskala besar melebihi 1 MW bagi tujuan penjanaan dan pembekalan tenaga elektrik berorientasikan komersial;

“Pendaftar” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta;

“Pengarah” ertinya Pengarah Tanah dan Galian Negeri Perlis yang dilantik di bawah seksyen 12 Akta termasuklah Timbalan Pengarah Tanah dan Galian Negeri Perlis; dan

“Pentadbir Tanah” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta;

(2) Rujukan kepada mana-mana borang yang dikenali dengan nombor dan huruf dalam Kaedah-Kaedah ini adalah merujuk kepada borang yang dikenal pasti dengan nombor dan huruf tersebut di dalam Jadual Pertama Akta itu.

BAHAGIAN DUA

PELUPUSAN TANAH

Permohonan tanah Kerajaan

3. (1) Mana-mana orang boleh untuk membuat permohonan kepada mana-mana tanah Kerajaan kecuali bagi tanah yang terletak di dalam kawasan yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri untuk dibangunkan di bawah Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 [Akta 530].

(2) Setiap permohonan tanah Kerajaan hendaklah dibuat kepada Pentadbir Tanah dalam bentuk yang ditetapkan dalam Jadual 1.

(3) Permohonan di bawah subkaedah (2) tidak perlu diserahkan secara peribadi tetapi permohonan itu hendaklah—

- (a) diserahkan dalam dua salinan;
- (b) mengandungi nama penuh pemohon;
- (c) mengandungi nombor kad pengenalan, nombor pendaftaran/perakuan syarikat/badan berkanun/pertubuhan atau apa-apa bentuk pengenalan pemohon dan apa-apa salinan dokumen berkenaan;
- (d) mengandungi alamat pemohon; dan
- (e) ditandatangani oleh pemohon atau wakilnya, sekiranya difikirkan patut oleh Pentadbir Tanah. Apa-apa tanda yang diturunkan bagi menggantikan tandatangan hendaklah disaksikan menurut kepuasan hati Pentadbir Tanah.

(4) Pihak Berkuasa Negeri boleh menghendaki apa-apa permohonan atau dokumen sokongan dikemukakan dalam apa-apa cara yang difikirkan sesuai, termasuk secara elektronik, tertakluk kepada sebarang arahan bertulis yang berkuat kuasa.

Penolakan terus permohonan oleh Pentadbir Tanah

4. Pentadbir Tanah boleh menolak terus mana-mana permohonan berikut—

- (a) permohonan yang tidak dibuat menurut bentuk yang ditetapkan atau pada hematnya tidak menyatakan butir-butir yang mencukupi bagi mengenal pasti tanah yang dipohon dalam permohonan tersebut;
- (b) permohonan tanah rizab Melayu oleh pemohon yang tidak layak untuk memiliki tanah di bawah Enakmen Lengkongan Simpanan [*Enakmen Bil. 7 Tahun 1353*];
- (c) mana-mana permohonan tanah dalam kategori berikut—
 - (i) tanah yang telah diberi hakmilik;
 - (ii) tanah yang telah diluluskan bagi pemberimilikan;
 - (iii) tanah rizab bagi maksud awam di bawah Akta atau mana-mana undang-undang terdahulu;
 - (iv) tanah yang diluluskan untuk pajakan melombong di bawah Enakmen Mineral 2002 [*Enakmen Bil. 5 Tahun 2002*];

-
- (v) tanah hutan simpan yang telah diwartakan;
 - (vi) tanah rizab sungai atau rizab jalan; atau
 - (vii) mana-mana tanah yang telah diperuntukkan untuk kegunaan Kerajaan;
- (d) mana-mana permohonan di mana pemohon telah diperakui mati, atau dalam hal suatu syarikat/pertubuhan itu telah dibubarkan atau digulung selepas permohonan didaftarkan; atau
- (e) mana-mana permohonan sebagaimana yang telah diperintahkan oleh Pihak Berkuasa Negeri untuk ditolak.

Rekod permohonan tanah

5. (1) Pentadbir Tanah hendaklah memasukkan butir-butir penuh permohonan tersebut ke dalam rekod permohonan tanah seperti yang ditetapkan dalam Jadual 2, kecuali bagi permohonan yang ditolak di bawah kaedah 4.

(2) Pentadbir Tanah juga hendaklah memasukkan dalam rekod permohonan tanah—

- (a) sama ada permohonan tersebut telah diluluskan atau ditolak; dan
- (b) pembayaran deposit di bawah seksyen 82 Akta, jika ditetapkan oleh Pentadbir Tanah,

dan hendaklah menurunkan tandatangan dan tarikh berkenaan catatan-catatan tersebut di dalam rekod permohonan tanah.

Kuasa Pihak Berkuasa Negeri untuk memberi milik

6. (1) Pihak Berkuasa Negeri mempunyai kuasa untuk memberi milik mana-mana tanah Kerajaan.

(2) Walau apapun di dalam subkaedah (1), Pihak Berkuasa Negeri tidak boleh memberi milik mana-mana tanah—

- (a) bersyarat pertanian yang jumlah keluasannya melebihi 2 hektar (bersamaan dengan 4.9421 ekar); dan
- (b) bersyarat bangunan yang jumlah keluasannya melebihi 500 meter persegi,

kepada mana-mana individu yang sama, sama ada permohonan itu dibuat secara bersama atau berasingan pada bila-bila masa.

(3) Walau apapun di dalam subkaedah (2), Pihak Berkuasa Negeri mempunyai kuasa untuk memberi milik mana-mana tanah Kerajaan kepada mana-mana orang dalam apa-apa keadaan khas tertentu yang difikirkan patut.

Rekod pembayaran permohonan tanah

7. Pentadbir Tanah hendaklah merekodkan pembayaran apa-apa wang yang dituntut di bawah subseksyen 81(2) Akta di dalam fail berkenaan pemberimilikan tanah tersebut dan rekod permohonan tanah.

Tempoh bagi notis dalam Borang 5A Akta

8. (1) Bagi maksud kaedah ini, tempoh pembayaran sebagaimana yang dinyatakan oleh notis dalam Borang 5A Akta ialah tiga bulan dari tarikh penyampaian notis.

(2) Pentadbir Tanah boleh, apabila menerima permohonan, melanjutkan tempoh pembayaran oleh notis dalam Borang 5A Akta tidak melebihi enam bulan dari tarikh penyampaian notis tersebut.

(3) Selanjutnya, Pengarah boleh, apabila menerima permohonan, melanjutkan tempoh pembayaran oleh notis dalam Borang 5A Akta tidak melebihi satu tahun dari tarikh penyampaian notis tersebut.

(4) Sebagai tambahan kepada pelanjutan yang diberikan di bawah subkaedah (2) dan (3), Pihak Berkuasa Negeri boleh, apabila menerima permohonan melalui Pengarah, dalam keadaan-keadaan yang difikirkan sesuai memberikan lanjutan masa tambahan bagi tempoh pembayaran oleh notis dalam Borang 5A Akta.

(5) Sebarang pembayaran notis dalam Borang 5A Akta yang tidak sempurna setelah tamat tempoh notis yang diberikan di bawah kaedah ini hendaklah menjadi hak Kerajaan Negeri dan tidak dikembalikan kecuali diputuskan sebaliknya oleh Pihak Berkuasa Negeri.

Kadar bayaran premium pelupusan tanah

9. Kadar-kadar bayaran premium pelupusan tanah yang akan dikenakan bagi permohonan mana-mana orang hendaklah dikira seperti yang ditetapkan dalam Jadual 3. Manakala kadar-kadar bayaran premium pelupusan tanah yang akan dikenakan bagi permohonan mana-mana badan hendaklah dikira berdasarkan kadar penuh nilai pasaran oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta.

Remitan atau perubahan kadar premium

10. Walau apapun yang diperuntukkan dalam Kaedah-Kaedah ini, Pihak Berkuasa Negeri boleh meremitkan keseluruhan atau sebahagian atau mengubah kadar premium yang ditetapkan di bawah kaedah 9 atau mengenakan premium tambahan dalam mana-mana kes tertentu sebagaimana yang difikirkan patut untuk berbuat demikian.

Bayaran tahunan bagi menggantikan kadar premium

11. (1) Pihak Berkuasa Negeri boleh mengenakan bayaran tahunan bagi menggantikan kadar premium, selain daripada bayaran cukai yang dikenakan di bawah kaedah 35, dalam mana-mana keadaan yang difikirkan mempunyai sebab-sebab yang munasabah.

(2) Tertakluk kepada subkaedah (1), bayaran tahunan yang dikenakan adalah empat peratus (4%) daripada jumlah premium tanah yang sepatutnya dikenakan atau kadar lain yang akan ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri, dengan syarat kaedah ini hanyalah terpakai bagi tanah bandar sahaja.

BAHAGIAN TIGA**LESEN PENDUDUKAN SEMENTARA****Permohonan lesen pendudukan sementara**

12. (1) Setiap permohonan lesen pendudukan sementara hendaklah dibuat kepada Pentadbir Tanah dalam bentuk yang ditetapkan dalam Jadual 4.

(2) Permohonan lesen pendudukan sementara boleh dibuat bagi—

- (a) tanah Kerajaan;
- (b) tanah lombong yang pada masa itu tidak digunakan bagi maksud-maksud perlombongan;
- (c) tanah rizab yang pada masa itu tidak digunakan bagi maksud-maksud ia dirizabkan.

(3) Setiap permohonan hendaklah—

- (a) diserahkan dalam dua salinan;
- (b) mengandungi nama penuh pemohon;
- (c) mengandungi nombor kad pengenalan, nombor pendaftaran/perakuan syarikat/badan berkanun/pertubuhan atau apa-apa bentuk pengenalan pemohon dan apa-apa salinan dokumen berkenaan;
- (d) mengandungi alamat pemohon; dan
- (e) ditandatangani oleh pemohon atau ditandatangani oleh wakilnya, sekiranya difikirkan patut oleh Pentadbir Tanah. Apa-apa tanda yang diturunkan bagi menggantikan tandatangan hendaklah disaksikan menurut kepuasan hati Pentadbir Tanah.

(4) Pihak Berkuasa Negeri boleh menghendaki apa-apa permohonan atau dokumen sokongan dikemukakan dalam apa-apa cara yang difikirkan sesuai, termasuk secara elektronik, tertakluk kepada arahan bertulis yang berkuat kuasa.

Fi bagi lesen pendudukan sementara

13. (1) Fi yang dikenakan bagi lesen pendudukan sementara hendaklah seperti yang ditetapkan dalam Jadual 5.

(2) Walau apapun peruntukan subkaedah (1), Pihak Berkuasa Negeri bolehlah menentukan fi yang akan dikenakan bagi apa-apa keadaan khas yang difikirkannya patut.

(3) Pendudukan ke atas tanah bertentangan dengan peruntukan bahagian ini adalah suatu kesalahan di bawah Akta.

Pengeluaran lesen pendudukan sementara

14. (1) Tertakluk seksyen 65 Akta, Pentadbir Tanah hanya boleh mengeluarkan lesen pendudukan sementara tertakluk kepada kelulusan dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

(2) Lesen pendudukan sementara itu hanya boleh dikeluarkan oleh Pentadbir Tanah bagi tujuan—

- (a) pertanian atau ternakan;
- (b) pembinaan sebarang bentuk binaan atau struktur yang bersifat sementara dan boleh dialihkan; atau
- (c) pertunjukan awam, ekspo, tapak jualan dan lain-lain.

(3) Walau apapun di dalam subkaedah (1) ini, lesen pendudukan sementara tidak boleh dikeluarkan bagi tujuan mengeluarkan, memproses dan mengangkut bahan batuan.

Dengan syarat bahawa kaedah ini tidak boleh dianggap membenarkan penebangan hutan.

(4) Walau apapun di dalam Kaedah-Kaedah ini, lesen pendudukan sementara tidak boleh dikeluarkan oleh Pentadbir Tanah tanpa kebenaran daripada pegawai pengawal bagi mana-mana kawasan tanah rizab yang pada masa itu tidak digunakan bagi maksud-maksud ia dirizabkan.

Lesen Pendudukan sementara dan permit yang disatukan

15. (1) Pihak Berkuasa Negeri, atas permohonan daripada mana-mana orang atau badan boleh membenarkan pengeluaran lesen pendudukan sementara bagi tujuan mengeluarkan, memproses dan mengangkut bahan batuan.

(2) Fi bagi permit di bawah kaedah ini hendaklah seperti yang ditetapkan dalam Jadual 6.

(3) Fi permit selain yang diperuntukkan di bawah Jadual 6 hendaklah ditentukan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

Rekod bagi pengeluaran lesen

16. Pentadbir Tanah hendaklah merekodkan pengeluaran dan pembatalan setiap lesen pendudukan sementara di dalam sebuah buku yang disimpan bagi maksud itu.

BAHAGIAN EMPAT

PENGKSTRAKAN, PEMINDAHAN DAN PENGANGKUTAN BAHAN BATUAN

Permohonan pengekstrakan, pemindahan dan pengangkutan bahan batuan

17. (1) Pihak Berkuasa Negeri boleh, atas permohonan daripada mana-mana orang atau badan yang kepadanya sesuatu tanah telah dilupuskan melalui apa-apa cara yang diperuntukkan dalam seksyen 44 Akta, membenarkan pengekstrakan, pemindahan dan pengangkutan bahan batuan atau apa-apa yang dihasilkan daripadanya, selain daripada untuk maksud mendapatkan logam atau galian daripadanya.

(2) Fi bagi permit di bawah kaedah ini adalah sebagaimana Jadual 6.

(3) Fi permit selain yang diperuntukkan di bawah Jadual 6 hendaklah ditentukan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

BAHAGIAN LIMA

PENJUALAN TANAH KERAJAAN SECARA LELONG

Ukuran sebelum pelelongan

18. Tertakluk kepada subseksyen 80(2) Akta, tanah Kerajaan tidak boleh dijual secara lelong melainkan tanah itu telah diukur dan suatu nombor lot diberikan kepadanya oleh Pengarah Ukur dan Pemetaan.

Harga rizab

19. (1) Harga rizab bagi pelelongan tanah Kerajaan hendaklah dimulakan dengan harga premium terendah bagi tanah itu, yang sedia untuk dijual oleh Pihak Berkuasa Negeri.

(2) Bayaran bagi kos kerja-kerja mengukur dan penandaan sempadan serta fi bagi penyediaan, pendaftaran dan pengeluaran suratan hakmilik dan cukai tahunan hendaklah dibayar secara tambahan kepada harga rizab atau harga rizab akhir oleh pembida yang berjaya.

Pemberitahuan pelelongan

20. (1) Apabila penjualan tanah Kerajaan secara lelong telah diluluskan, Pentadbir Tanah hendaklah menyiarkan satu pemberitahuan menurut seksyen 433 Akta yang memperihalkan butiran berhubung tanah dan pelelongan seperti yang berikut—

- (a) nombor lot;
- (b) lokasi tanah;
- (c) kategori kegunaan tanah;
- (d) syarat nyata;
- (e) sekatan kepentingan;
- (f) tempoh pajakan;
- (g) tanah rizab Melayu atau luar rizab Melayu;
- (h) cukai tahunan;
- (i) keluasan tanah;
- (j) harga rizab;
- (k) amaun bayaran lain termasuk fi ukur, bayaran bagi tanda sempadan, fi bagi penyediaan dokumen hakmilik dan cukai bagi tahun pertama;
- (l) tarikh, waktu dan tempat pelelongan;
- (m) tarikh tutup bagi pembayaran deposit sebanyak sepuluh peratus daripada harga tawaran itu;
- (n) syarat-syarat lain yang berkaitan dengan pelelongan itu;
- (o) tarikh tutup bagi penjelasan sepenuhnya semua bayaran;
- (p) orang atau badan yang layak mengambil bahagian dalam lelongan itu sebagaimana mereka yang dinyatakan di bawah seksyen 43 Akta serta undang-undang lain; dan
- (q) maklumat-maklumat lain yang difikirkan patut oleh Pentadbir Tanah.

(2) Pelan tanah yang hendak dilelong yang menunjukkan lokasinya berhubung dengan tanah yang bersempadanan dengannya hendaklah dipamerkan untuk perhatian awam di pejabat Pentadbir Tanah.

Syarat-syarat penjualan tanah Kerajaan secara lelong

21. Syarat-syarat penjualan tanah Kerajaan secara lelong adalah seperti yang berikut—

- (a) Pentadbir Tanah berhak menarik balik atau menangguhkan pelelongan itu pada bila-bila masa sebelum tukul diketukkan;
- (b) pembeli ialah pembida yang membuat tawaran yang tertinggi, dengan syarat harga tawaran itu hendaklah sekurang-kurangnya sama dengan atau lebih tinggi daripada harga rizab;
- (c) pembeli hendaklah membayar deposit sepuluh peratus daripada harga pembelian sejurus selepas tukul diketukkan berserta bayaran tambahan dalam kaedah 20. Jika pembeli gagal untuk berbuat demikian, tanah itu hendaklah dilelong semula dengan serta-merta;
- (d) pembeli hendaklah menjelaskan bayaran penuh harga pembelian dalam tempoh empat belas hari dari tarikh pelelongan, dan penjualan itu akan menjadi muktamad dan konklusif;

Dengan syarat, Pentadbir Tanah boleh melanjutkan tempoh empat belas hari kepada tempoh yang tidak melebihi tiga bulan dari tarikh lelongan dibuat;

- (e) sekiranya pembeli gagal menjelaskan bayaran penuh tersebut, deposit itu hendaklah dilucuthakkan kepada Kerajaan Negeri. Pembeli yang ingkar itu hendaklah terlucut hak segala tuntutan ke atas tanah itu atau mana-mana bahagian jumlah wang yang boleh diperoleh daripada penjualan tanah itu kemudiannya;
- (f) dokumen hakmilik hendaklah didaftarkan dan dikeluarkan oleh Pendaftar atau Pentadbir Tanah secepat mungkin setelah bayaran penuh diterima; dan
- (g) pemilikan hendaklah diberikan dengan segera setelah pendaftaran dibuat pada dokumen hakmilik berdaftar.

Proses pelelongan

22. (1) Pada hari, masa dan tempat yang telah disiarkan untuk penjualan tanah Kerajaan secara lelong, Pentadbir Tanah hendaklah memulakannya dengan membaca secara kuat dan jelas pemberitahuan dan syarat-syarat lelongan.

(2) Pelelongan itu hendaklah kemudiannya dimulakan dan jika terdapat lebih daripada satu lot, setiap lot hendaklah diuruskan secara berasingan mengikut susunan yang ditentukan oleh Pentadbir Tanah.

(3) Pelelongan hendaklah dijalankan oleh Pentadbir Tanah sendiri atau, jika hal keadaan khas memerlukan sedemikian, oleh Penolong Pentadbir Tanah yang dilantiknya.

(4) Sebaik sahaja tukul diketuk, nama dan butir-butir pembeli hendaklah diumumkan dengan jelas oleh pelelong itu.

(5) Sekiranya pembida itu bertindak sebagai ejen bagi orang lain, dia hendaklah menyatakan nama pembeli prinsipal kepada pelelong. Jika dia gagal berbuat demikian, dokumen hakmilik akan diperbuat atas namanya sendiri.

Premium bagi tanah kerajaan yang dijual secara lelong

23. Kadar premium bagi mana-mana tanah Kerajaan yang dijual secara lelong adalah harga tawaran akhir yang diterima daripada pembida/pembeli semasa lelongan tersebut. Fi bagi kerja-kerja mengukur dan penandaan sempadan, serta pendaftaran hakmilik hendaklah dibayar sebagai tambahan kepada kadar premium tersebut.

Rekod daftar lelong

24. (1) Pentadbir Tanah hendaklah menyimpan suatu daftar lelong dalam bentuk yang dinyatakan di dalam Jadual 7.

(2) Pentadbir Tanah hendaklah mencatatkan setiap lot tanah Kerajaan yang dijual secara lelong berserta rujukan kepada pemberitahuan dan butiran lain di samping butir-butir yang dinyatakan di dalam Jadual 7, yang difikirkannya patut.

Rekod butiran pembeli

25. (1) Setelah pengumuman menurut subkaedah 22(4) dibuat, pelelong hendaklah merekodkan nama dan alamat pembeli di dalam buku daftar lelong.

(2) Pembeli itu hendaklah menurunkan tandatangan atau apa-apa tanda bertentangan dengan catatan berkenaan tanah yang dibelinya.

(3) Jika pembeli tidak berkemampuan untuk menurunkan tandatangan, apa-apa tanda yang dibuatnya itu hendaklah disaksikan menurut kepuasan hati pelelong.

Tiada tawaran, penarikan atau kegagalan untuk menyelesaikan pembelian

26. (1) Sekiranya—

(a) tiada tawaran dibuat bagi mana-mana lot;

(b) suatu lot itu ditarik balik daripada pelelongan; atau

(c) pembeli gagal untuk menyelesaikan pembelian,

perkara itu hendaklah direkodkan ke dalam buku daftar lelong dan ditandatangani oleh pelelong.

(2) Kemasukan baru hendaklah dibuat berkenaan mana-mana penjualan semula secara lelong.

Penglibatan pegawai semasa pelelongan

27. Mana-mana pegawai yang bekerja di pejabat tanah tidak boleh terlibat, sama ada secara langsung atau tidak langsung, dalam membuat sebarang percubaan untuk mendorong, membuat tawaran atau menggalakkan penjualan tanah Kerajaan yang dijual dalam pelelongan awam.

BAHAGIAN ENAM

PEMBANGUNAN TANAH

Kadar premium perubahan syarat nyata tanah

28. Kadar premium tanah yang akan dikenakan bagi urusan perubahan syarat nyata tanah hendaklah dikira seperti yang ditetapkan dalam Jadual 8.

Kadar premium pelanjutan tempoh pajakan

29. Kadar premium tanah yang akan dikenakan bagi urusan pelanjutan tempoh pajakan hendaklah dikira seperti yang ditetapkan dalam Jadual 9.

Kadar denda pelanggaran syarat nyata tanah

30. Sekiranya berlaku pelanggaran syarat tanah sebelum permohonan ubah syarat, permit sementara dan permit ladang solar diluluskan, denda hendaklah dikenakan pada kadar seperti yang ditetapkan dalam Jadual 10. Penurunan kuasa bagi pemberian ansuran kadar premium perubahan syarat nyata tanah, dsb.

Penurunan kuasa bagi pemberian ansuran kadar premium perubahan syarat nyata tanah, dsb.

31. Pihak Berkuasa Negeri boleh menurunkan kuasa kepada Pengarah secara bertulis, sama ada secara amnya atau dalam mana-mana keadaan tertentu atau kategori keadaan atau berkenaan mana-mana bidang tertentu, tertakluk kepada apa-apa syarat dan sekatan yang ditetapkan untuk memberikan ansuran bagi kadar—

- (a) premium perubahan syarat nyata tanah;
- (b) premium pelanjutan tempoh pajakan;
- (c) denda pelanggaran syarat;
- (d) fi permit sementara;

- (e) denda permit sementara; dan
- (f) bayaran-bayaran lain yang berkaitan dengan kelulusan pengubahan syarat nyata tanah.

Pengeluaran dokumen hakmilik sementara sambungan apabila tanah itu dipecah sempadan

32. (1) Mana-mana juruukur berlesen yang dilantik oleh tuan tanah, boleh membuat permohonan untuk memecah sempadan dengan membayar fi permohonan seperti yang ditetapkan oleh Jadual 11.

(2) Selepas permohonan di subkaedah (1) diluluskan oleh Pengarah, dokumen hakmilik sementara sambungan tidak boleh dikeluarkan melainkan juruukur berlesen itu mengemukakan kepada Pentadbir Tanah –

- (a) satu salinan surat perlantikan juruukur berlesen itu oleh tuan tanah;
- (b) pengesahan pembayaran deposit kepada Lembaga Juruukur Tanah Malaysia;
- (c) pelan ukur cadangan pecahan sempadan yang telah diakui oleh pemohon dan diluluskan oleh Pengarah, mengikut bilangan salinan sebagaimana yang diperlukan oleh Pentadbir Tanah; dan
- (d) bayaran fi yang telah ditetapkan di dalam Jadual 11.

Dengan syarat, bahagian yang hendak dipecah sempadan yang ditunjukkan di dalam pelan itu telah ditandakan di atas tanah.

(3) Dalam keadaan di mana tanah itu hendaklah diukur, juruukur berlesen itu hendaklah mengemukakan permohonan ukuran akhir kepada Jabatan Ukur dan Pemetaan.

Permohonan bagi permit untuk menggunakan tanah bagi maksud selain dari kategori yang ditetapkan secara sementara

33. (1) Tertakluk kepada kaedah ini, Pengarah boleh mempertimbangkan untuk kelulusan kepada permohonan bagi mana-mana tanah digunakan untuk maksud selain dari kategori yang ditetapkan secara sementara.

Dengan syarat permohonan bagi tanah kategori pertanian yang digunakan untuk tujuan aktiviti ladang ternakan berskala komersial adalah terhad bagi tanah dengan keluasan tidak melebihi 4 hektar.

(2) Pentadbir Tanah boleh mengeluarkan notis tawaran dalam borang yang dinyatakan dalam Jadual 12 kepada pemilik tanah yang telah melanggar syarat kegunaan tanah untuk memohon permit sementara.

(3) Tertakluk kepada subkaedah (4), permohonan bagi permit dalam subkaedah (1) hendaklah dibuat di dalam borang yang dinyatakan dalam Jadual 13. Permohonan itu hendaklah disertakan dengan—

- (a) fi permohonan;
- (b) carian rasmi tanah itu yang terkini;
- (c) pelan pembinaan (sekiranya ada);
- (d) salinan surat kuasa wakil sekiranya permohonan dibuat oleh seseorang atau badan yang diberi kuasa untuk berbuat demikian menurut seksyen 157A Akta;
- (e) surat akuan berkanun atau sesalinan perjanjian yang dimasuki antara pemilik tanah dengan pemilik premis, struktur atau bangunan itu, jika permohonan itu tidak dibuat oleh pemilik tanah;
- (f) maklumat lain yang difikirkan patut oleh Pengarah.

(4) Permohonan di bawah subkaedah (3) hanya boleh dibuat oleh—

- (a) tuan punya tanah;
- (b) pemegang pajakan tanah;
- (c) penyewa yang dibenarkan oleh pemilik tanah;
- (d) pemilik premis, struktur atau bangunan; atau
- (e) pemegang pajakan premis, struktur atau bangunan.

(5) Setelah kelulusan diperolehi, pemohon hendaklah membayar fi permit seperti yang ditetapkan dalam Jadual 14 dalam tempoh yang ditetapkan. Sekiranya fi permit itu tidak dibayar dalam tempoh yang ditetapkan, tindakan penguatkuasaan di bawah Akta boleh diambil atas kesalahan melanggar syarat kegunaan tanah.

(6) Pentadbir Tanah hendaklah mengeluarkan surat kelulusan dan mengeluarkan permit seperti di dalam Jadual 15 setelah fi dalam Jadual 14 dijelaskan.

(7) Sekiranya tarikh surat kelulusan yang dikeluarkan oleh Pentadbir Tanah adalah selepas 30 September dalam tahun kelulusan, bayaran permit tersebut merangkumi bayaran untuk tahun berikutnya.

(8) Sekiranya permohonan dalam subkaedah (3) itu tidak diluluskan, rayuan boleh dibuat kepada Pihak Berkuasa Negeri dalam tempoh tiga bulan daripada tarikh keputusan disampaikan dan keputusan Pihak Berkuasa Negeri terhadap rayuan itu adalah muktamad.

(9) Permit yang dikeluarkan menurut kaedah ini hendaklah luput pada tarikh akhir tahun kalendar itu dan hanya boleh diperbaharui sebanyak tiga kali.

(10) Sebarang permohonan untuk memperbaharui permit di bawah kaedah ini hendaklah dibuat selewat-lewatnya pada atau sebelum 31 Mac tahun pembaharuan permit.

(11) Mana-mana pemegang permit yang gagal untuk memperbaharui permit dalam tempoh yang dinyatakan dalam subkaedah (10) boleh dikenakan penalti sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual 10.

(12) Permit tersebut tidak boleh diserahkan hak dan hendaklah luput dengan kematian orang yang pada masa itu berhak untuk mendapat faedah daripadanya.

(13) Pihak Berkuasa Negeri boleh menambah atau mengubah syarat-syarat permit dari masa ke masa, jika perlu.

Permohonan bagi permit untuk menggunakan tanah bagi maksud selain dari kategori yang ditetapkan bagi ladang solar secara sementara

34. (1) Tertakluk kepada kaedah ini, Pihak Berkuasa Negeri boleh meluluskan permohonan untuk mana-mana tanah digunakan bagi maksud selain dari kategori yang ditetapkan untuk kegunaan ladang solar secara sementara.

(2) Pentadbir Tanah boleh mengeluarkan notis tawaran permit ladang solar dalam borang yang dinyatakan dalam Jadual 16 kepada pemilik tanah yang telah melanggar syarat kegunaan tanah untuk memohon permit ladang solar.

(3) Tertakluk kepada subkaedah (4), permohonan bagi permit dalam subkaedah (1) hendaklah dibuat di dalam borang yang dinyatakan dalam Jadual 17 dan permohonan itu hendaklah disertakan dengan—

- (a) fi permohonan;
- (b) carian rasmi tanah itu yang terkini;
- (c) salinan resit cukai tanah tahun semasa;
- (d) surat kelulusan Kebenaran Merancang;
- (e) Pelan Kebenaran Merancang;
- (f) Pelan Tata Atur yang disahkan oleh Majlis Perbandaran Kangar;
- (g) surat kelulusan Suruhanjaya Tenaga;
- (h) persetujuan secara bertulis daripada setiap orang atau badan yang mempunyai kepentingan berdaftar di atas tanah berkenaan;

- (i) salinan surat kuasa wakil, sekiranya permohonan dibuat oleh seseorang atau badan yang diberi kuasa untuk berbuat demikian menurut seksyen 157A Akta; dan
 - (j) maklumat lain yang difikirkan patut oleh Pengarah.
- (4) Permohonan di bawah subkaedah (3) hanya boleh dibuat oleh—
 - (a) tuan punya tanah;
 - (b) pemegang pajakan tanah;
 - (c) penyewa yang dibenarkan oleh pemilik tanah;
 - (d) pemilik premis, struktur atau bangunan; atau
 - (e) pemegang pajakan premis, struktur atau bangunan.
- (5) Kadar fi dan bayaran-bayaran lain yang dikenakan ke atas kelulusan permit adalah seperti yang ditetapkan dalam Jadual 18.
- (6) Pentadbir Tanah hendaklah mengeluarkan surat kelulusan dan mengeluarkan permit seperti di dalam Jadual 19 setelah fi dan bayaran lain dalam Jadual 18 dijelaskan.
- (7) Setelah surat kelulusan dan permit dikeluarkan di bawah subkaedah (6), Pendaftar hendaklah membuat endorsan di dalam dokumen hak milik berkenaan perkara yang berikut—
 - (a) kelulusan oleh Pihak Berkuasa Negeri bagi permohonan Permit Ladang Solar;
 - (b) tempoh permit; dan
 - (c) Pemohon hendaklah mengemukakan Permohonan Ubah Syarat di bawah Seksyen 124 Akta sebelum tamat tempoh permit.
- (8) Sekiranya tarikh surat kelulusan yang dikeluarkan oleh Pentadbir Tanah adalah selepas 30 September dalam tahun kelulusan, bayaran permit tersebut merangkumi bayaran untuk tahun berikutnya.
- (9) Sekiranya permohonan dalam subkaedah (3) itu tidak diluluskan, rayuan boleh dibuat kepada Pihak Berkuasa Negeri dalam tempoh tiga bulan daripada tarikh keputusan disampaikan dan keputusan rayuan Pihak Berkuasa Negeri terhadap rayuan itu adalah muktamad.
- (10) Tertakluk kepada penamatan awal, permit yang dikeluarkan menurut kaedah ini hendaklah luput pada tarikh yang dinyatakan di Permit Ladang Solar dan terhad untuk tempoh 21 tahun (termasuk tahun kelulusan).

(11) Permit boleh dibatalkan dengan serta-merta tanpa pembayaran pampasan sekiranya terdapat pelanggaran mana-mana syarat permit atau kegagalan pemegang permit untuk menjelaskan apa-apa bayaran yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri, dengan syarat bahawa satu notis mengenainya telah diserahkan dengan sempurna kepada pemegang permit.

(12) Permit tersebut tidak boleh diserahkan melainkan dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri dan permohonan penyerahakan hendaklah dikemukakan kepada Pentadbir Tanah melalui borang seperti di Jadual 20 dan disertakan dengan fi yang ditetapkan sebagaimana fi permohonan permit.

(13) Permit yang dikeluarkan boleh dilaksanakan oleh mana-mana orang atau badan yang dilantik oleh pemegang permit.

(14) Mana-mana tanah yang didapati telah melanggar syarat kegunaan tanah sebelum permohonan permit diluluskan hendaklah dikenakan denda pelanggaran syarat sebagaimana yang ditetapkan di Jadual 10.

(15) Pihak Berkuasa Negeri boleh menambah atau mengubah syarat-syarat permit dari semasa ke semasa, jika perlu.

BAHAGIAN TUJUH

CUKAI TAHUNAN

Cukai tahunan

35. Cukai tahunan bagi semua tanah yang diberimilik adalah seperti yang ditetapkan dalam Jadual 21.

Pengubahan cukai

36. Tertakluk kepada seksyen 101 Akta, Pihak Berkuasa Negeri boleh mengubah kadar cukai tahunan seperti yang ditetapkan dalam Jadual 21 dalam mana-mana kes tertentu, sebagaimana yang difikirkan patut.

Remitan, penangguhan atau ansuran cukai tahunan

37. (1) Pihak Berkuasa Negeri boleh—

- (a) meremitkan apa-apa cukai tahunan yang dikenakan, sama ada secara keseluruhan atau sebahagiannya;
- (b) menangguhkan pembayaran cukai tahunan dalam apa-apa cara yang difikirkan patut; atau
- (c) membenarkan pembayaran cukai tahunan secara ansuran,

dalam mana-mana keadaan yang dianggap mempunyai sebab-sebab yang munasabah.

(2) Pihak Berkuasa Negeri boleh menurunkan kuasa yang diperuntukkan di bawah subkaedah (1) kepada Pengarah secara bertulis, sama ada secara amnya atau dalam mana-mana keadaan tertentu atau kategori keadaan atau berkenaan mana-mana bidang tertentu, tertakluk kepada apa-apa syarat dan sekatan yang ditetapkan.

Tunggakan cukai

38. Pada bila-bila masa, sesuatu cukai tahunan telah tertunggak berdasarkan kepada seksyen 94(2) Akta, denda 10% daripada nilai Cukai Tahunan hendaklah dibayar sebagai tambahan kepada Cukai Tahunan tersebut.

Pengurangan denda dan pengurangan tunggakan denda lewat bayar Cukai Tahunan

39. (1) Pihak Berkuasa Negeri boleh mengurangkan denda lewat bayar dan tunggakan denda lewat bayar Cukai Tahunan sekiranya difikirkan patut.

(2) Pihak Berkuasa Negeri boleh menurunkan kuasa yang diperuntukkan di bawah subkaedah (1) kepada Pengarah, secara bertulis, sama ada secara amnya atau dalam mana-mana keadaan tertentu atau kategori keadaan atau berkenaan mana-mana bidang tertentu, untuk mengurangkan denda, tunggakan denda seperti yang ditetapkan di dalam Jadual 22 dalam mana-mana kes tertentu, sebagaimana yang difikirkan patut.

Fi notis

40. Apabila notis tuntutan dalam Borang 6A di bawah seksyen 97 dan 98 Akta dikeluarkan, fi notis seperti yang ditetapkan dalam subbutiran (115) Jadual 11 hendaklah dibayar oleh pemohon.

Tarikh cukai perlu dibayar

41. (1) Cukai Tahunan yang dikenakan ke atas tanah yang diduduki secara sah hendaklah menjadi kena dibayar sepenuhnya pada hari pertama bulan Januari bagi tahun tersebut.

(2) Sekiranya cukai tidak dibayar terlebih dahulu menurut subkaedah (1), ia hendaklah dianggap sebagai tunggakan, bagi maksud Akta, pada hari pertama bulan Jun bagi tahun tersebut.

(3) Apabila cukai itu menjadi tunggakan menurut subkaedah (2)—

(a) kaedah 38 hendaklah terpakai mutatis mutandis; dan

(b) tunggakan cukai itu boleh dikutip semula seolah-olah ia merupakan cukai tahunan yang hendaklah dibayar seperti tanah yang diberi milik.

BAHAGIAN LAPAN

CARIAN

Carian rasmi dan persendirian

42. Pendaftar hendaklah, atas permohonan oleh mana-mana orang menurut seksyen 385 Akta, mengeluarkan carian rasmi atau carian persendirian setelah pembayaran fi yang ditetapkan dalam Jadual 11 oleh pemohon.

BAHAGIAN SEMBILAN

PELBAGAI

Pajakan tanah rizab

43. (1) Permohonan untuk memajak tanah rizab di bawah subseksyen 63(1) Akta hendaklah dibuat secara bertulis kepada Pentadbir Tanah berserta fi yang ditetapkan di Jadual 11.

(2) Permohonan yang diluluskan hendaklah dibayar kadar pajakan tanah rizab sebagaimana yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

(3) Dokumen pajakan itu hendaklah dikeluarkan dengan menggunakan Borang 4E Akta setelah pembayaran penuh kadar pajakan dilakukan.

Permohonan permit untuk menggunakan ruang udara

44. (1) Pengarah boleh meluluskan mana-mana permohonan bagi mendapatkan permit untuk menggunakan ruang udara di bawah seksyen 75A Akta.

(2) Setiap permohonan bagi mendapatkan permit untuk menggunakan ruang udara di atas tanah Kerajaan atau tanah rizab hendaklah dibuat dalam borang yang dinyatakan dalam Jadual 23 berserta pelan dan fi yang ditetapkan.

(3) Pentadbir Tanah hendaklah mengeluarkan permit dalam Borang 4D Akta setelah permohonan itu diluluskan, dan pembayaran fi permit diterima.

(4) Setiap permohonan bagi penyerahan hak permit untuk menggunakan ruang udara menurut seksyen 75E Akta hendaklah dibuat dalam borang yang dinyatakan di dalam Jadual 24 bersama dengan pembayaran fi yang ditetapkan dalam Jadual 11.

(5) Fi yang hendaklah dibayar bagi permit yang dikeluarkan untuk menggunakan ruang udara bagi maksud mandiri, menyenggara dan menduduki suatu struktur atau binaan di atas tanah kerajaan atau tanah rizab, sebagai tambahan kepada mana-mana struktur atau binaan di atas tanah yang bersempadanan adalah seperti yang ditetapkan dalam Jadual 25.

(6) Bagi tujuan Jadual 23 sebahagian tahun adalah dianggap sebagai satu tahun.

(7) Pihak Berkuasa Negeri boleh mengecualikan kesemua atau sebahagian daripada fi yang ditetapkan di bawah kaedah ini, sebagaimana yang difikirkannya sesuai.

Pengenaan deposit bagi permit, lesen dan sebagainya

45. (1) Pengarah boleh mengenakan apa-apa deposit sebagai jaminan bagi pelaksanaan wajar dan pematuhan syarat permit, lesen dan sebagainya yang dikeluarkan di bawah Akta.

(2) Tertakluk kepada subkaedah (1), sekiranya Pemohon mematuhi syarat permit, lesen dan sebagainya, Pengarah hendaklah memulangkan apa-apa deposit yang telah dibayar oleh Pemohon.

(3) Tertakluk kepada subkaedah (1), deposit tersebut boleh dilucuthakkan secara keseluruhan atau sebahagiannya, sebagaimana yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Negeri sekiranya berlaku kegagalan mematuhi mana-mana syarat permit, lesen dan sebagainya.

Kesalahan Boleh Kompaun

46. Semua kesalahan yang disenaraikan di dalam Jadual 26 adalah kesalahan yang boleh dikompaun sebagaimana diperuntukan di bawah seksyen 429B Akta.

Kad kuasa

47. Pegawai hendaklah mempunyai kad kuasa yang mengandungi nama, nombor kad pengenalan dan jawatan yang ditetapkan dalam menjalankan tugas di bawah seksyen 426A Akta.

BAHAGIAN SEPULUH

FI PEJABAT

Fi yang ditetapkan untuk permohonan dan prosiding

48. (1) Fi yang kena dibayar bagi permohonan dan prosiding di bawah Akta dan Kaedah-Kaedah ini adalah seperti yang ditetapkan dalam Jadual 11.

(2) Walau apapun yang diperuntukkan dalam subkaedah (1), bayaran bagi perkara-perkara berikut adalah dikecualikan—

- (a) kaveat pendaftar di bawah seksyen 319 Akta;
- (b) pendaftaran gadaian atau melepaskan gadaian yang dibuat pinjaman daripada kumpulan wang yang disenggara oleh Kerajaan kepada penanam-penanam padi untuk tujuan pertanian;
- (c) pendaftaran memorandum di bawah seksyen 124, 198 atau 201 Akta;

-
- (d) endorsan dan memorial di bawah seksyen 129, 130, 174, 351 atau 352 Akta;
 - (e) pendaftaran, penyalinan dokumen atau lain-lain fi yang diperuntukkan untuk menggantikan sebarang dokumen yang telah hilang atau musnah dalam simpanan Kerajaan menurut Pendaftar atau Pentadbir Tanah;
 - (f) pengeluaran hakmilik sambungan ke atas baki bahagian tanah selepas pengambilan balik tanah;
 - (g) bayaran yang dikenakan bagi pendaftaran instrumen urus niaga yang baginya badan-badan atau perbadanan-perbadanan berikut menjadi salah satu pihak—
 - (i) Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis;
 - (ii) Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis;
 - (h) carian-carian di bawah seksyen 384 dan 385 Akta oleh mana-mana jabatan Kerajaan Negeri atau Persekutuan bagi tujuan kepentingan negeri dan diperakukan oleh Pentadbir Tanah;
 - (i) pendaftaran gadaian atau melepaskan gadaian berhubung dengan pinjaman daripada Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam kepada penjawat awam bagi pembinaan rumah-rumah mereka;
 - (j) pendaftaran gadaian atau melepaskan gadaian berhubung dengan pinjaman daripada kumpulan wang kerajaan dalam skim pinjaman perumahan di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan di bawah skim pinjaman kemajuan perkampungan kepada golongan berpendapatan rendah untuk membina rumah-rumah mereka;
 - (k) bayaran notis di bawah seksyen 97 dan 98 Akta seperti yang diperuntukkan di dalam Kaedah-Kaedah ini, apabila Pentadbir Tanah berpuas hati bahawa tuan tanah tidak mampu untuk membayarnya; dan
 - (l) sebarang bayaran di bawah butiran Jadual 11, sama ada keseluruhan atau sebahagian darinya, apabila Pihak Berkuasa Negeri memutuskan bahawa ia boleh dikecualikan.
- (3) Tertakluk kepada subseksyen 293(3) Akta, tiada pembayaran yang telah dibuat di bawah kaedah ini boleh dikembalikan jika Pengarah mendapati bahawa kegagalan transaksi tersebut adalah disebabkan oleh kesilapan pemohon.

BAHAGIAN SEBELAS

PERALIHAN DAN KECUALIAN

Peralihan dan kecualian

49. (1) Peraturan-Peraturan Tanah Perlis 1987 [*Ps. P.U. 4 tahun 1987*] (“Peraturan-Peraturan yang dibatalkan”) adalah dibatalkan.

(2) Walau apapun subkaedah (1)—

- (a) sebarang fi, caj atau apa-apa jumlah wang yang dibayar atau tidak dibayar di bawah Peraturan-Peraturan yang dibatalkan pada tarikh sebaik sebelum berkuatkuasanya peruntukan Kaedah-Kaedah ini yang berkaitan hendaklah, berkenaan dengan tempoh yang bersamaan, disifatkan telah dibayar atau tidak dibayar di bawah peruntukan Kaedah-Kaedah ini;
- (b) apa-apa permohonan yang telah dibuat kepada Pihak Berkuasa Negeri, Pengarah, Pentadbir Tanah atau Pendaftar yang belum selesai atau yang telah diluluskan sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Kaedah-Kaedah ini hendaklah seolah-olah Kaedah-Kaedah ini belum diperbuat;
- (c) sebarang kelulusan atau kebenaran daripada Pihak Berkuasa Negeri, Pengarah atau Pentadbir Tanah bagi mana-mana permohonan tanah sebelum berkuatkuasanya Kaedah-Kaedah ini hendaklah dianggap sebagai kelulusan atau kebenaran yang dibuat menurut Peraturan-Peraturan yang dibatalkan itu; dan
- (d) apa-apa kebenaran, arahan, keputusan, pemberitahuan, pengecualian, kelulusan dan tindakan pentadbiran yang lain walau apa jua dipanggil, dibuat atau dilakukan di bawah atau mengikut, atau menurut kuasa peruntukan Kaedah-Kaedah ini yang bersamaan dengan Pihak Berkuasa Negeri, Pengarah atau Pentadbir Tanah hendaklah terus berkuat kuasa dan berkesan berhubung dengan orang yang baginya kebenaran, arahan, keputusan, pemberitahuan, pengecualian, kelulusan dan tindakan pentadbiran yang lain itu terpakai sehingga dipinda, dimansuhkan, dibatalkan, ditamatkan atau digantikan di bawah, mengikut atau menurut kuasa, peruntukan Kaedah-Kaedah ini yang bersamaan.

(3) Tiada apa-apa jua dalam Kaedah-Kaedah ini boleh menyentuh liabiliti mana-mana orang untuk didakwa atau dihukum bagi kesalahan atau pelanggaran yang dilakukan sebelum permulaan kuat kuasa Kaedah-Kaedah ini atau apa-apa prosiding yang dibawa, hukuman yang dikenakan atau tindakan yang diambil sebelum hari itu berkenaan dengan kesalahan atau pelanggaran itu.

(4) Apa-apa hak, keistimewaan, obligasi atau liabiliti yang diperolehi, terakru atau ditanggung sebelum tarikh kuat kuasa atau apa-apa prosiding undang-undang, remedi atau penyiasatan berkenaan dengan hak, keistimewaan, obligasi atau liabiliti itu tidak akan terjejas oleh Kaedah-Kaedah ini dan hendaklah terus berkuat kuasa seolah-olah Kaedah-Kaedah ini belum diperbuat.

JADUAL 1

KANUN TANAH NEGARA

KAEDAH-KAEDAH TANAH PERLIS 2024

[Kaedah 3]

PERMOHONAN TANAH KERAJAAN

Kepada: Tarikh

Pentadbir Tanah Negeri Perlis

Tuan,

Saya/Kami dengan hormatnya memohon untuk memiliki tanah yang butir-butir dan lakarnya seperti dilampirkan bersama bagi maksud:

.....

2. Saya/Kami mempunyai Hektar/ekar tanah dalam negeri seperti di bawah ini:

Negeri	Hakmilik	Jenis tanaman	Luas tanah yang ditanam

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, no pendaftaran, perakuan pendaftaran syarikat/pertubuhan/persatuan dan alamat saya/kami ialah:

.....

4. Saya/Kami dengan sesungguhnya mengaku bahawa butir-butir mengenai diri saya/kami:

i. Tarikh lahir (sila lampirkan salinan sijil beranak)

ii. Tempat lahir

iii. Bangsa

iv. Warganegara

- v. Pekerjaan
 - vi. Pendapatan
 - vii. Status: Berkahwin/belum berkahwin
 - viii. Tempat bertugas
 - ix. Alamat tempat bertugas
 - x. Nama isteri/suami (sila lampirkan salinan surat beranak)
 - xi. No. K/P: (Baru)
 - xii. (Lama)
 - xiii. Tarikh lahir
 - xiv. Bangsa
 - xv. Warganegara
 - xvi. Pekerjaan
 - xvii. Pendapatansebulan
 - xviii. Nama bapa pemohon(sila lampirkan salinan surat beranak)
 - xix. No. K/P: (Baru)
 - (Lama)
 - xx. Bangsa
 - xxi. Warganegara
 - xxii. Pekerjaan
 - xxiii. Pendapatan sebulan
5. Alamat untuk menghantar surat-surat mengenai permohonan ini melalui pos ialah:
-
-

6. Saya/Kami nombor kad pengenalan, no pendaftaran, perakuan pendaftaran syarikat/pertubuhan/persatuan dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa butir-butir yang dinyatakan di atas adalah benar dan saya/kami membuat akuan ini dengan kepercayaan bahawa sesiapa yang tersebut di dalamnya adalah benar. Saya/Kami memahami dan bersetuju bahawa Pentadbir Tanah berhak untuk menolak permohonan yang dimohon jika butir-butir yang diberi adalah tidak benar.

Yang benar,

.....

No. tahun 20..... Negeri Perlis.....

Diterima oleh saya pada hb 20..... jam pagi/petang.

No. Surat Menyurat

.....

Pentadbir Tanah

BUTIR-BUTIR MENGENAI TANAH YANG DIMOHON

Mukim No. Bahagian (jika ada)
 Tempat Sempadan
 Luas (hektar/ekar) Utara:
 Jauhnya dari bandar, jalan raya, : km Selatan:
 jalan keretapi, sungai atau pantai: km Timur:
 yang hampir sekali : km Barat :

LAKARAN TANAH

JADUAL 3

KANUN TANAH NEGARA

KAEDAH-KAEDAH TANAH PERLIS 2024

[Kaedah 9]

KADAR BAYARAN PREMIUM PELUPUSAN TANAH

Bil.	Kategori Baru	Syarat	Kadar Premium
Kadar Premium (%) x nilai pasaran tanah oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta			
1.	Pertanian	Semua jenis pertanian	20% dan diberi potongan tambahan sebanyak 25% daripada kadar tersebut bagi tanah-tanah yang terletak di dalam Lengkongan Simpanan Melayu dan tanah-tanah yang akan dirizabkan sebagai Simpanan Melayu yang diberimilik kepada orang Melayu
2.	Bangunan	Tapak Kediaman	50%
3.	Industri	(yang berkaitan industri)	50%

JADUAL 4

KANUN TANAH NEGARA

KAEDAH-KAEDAH TANAH PERLIS 2024

[Kaedah 12]

PERMOHONAN LESEN PENDUDUKAN SEMENTARA

Kepada: Tarikh

Pentadbir Tanah Negeri Perlis

Tuan,

Saya/Kami dengan hormatnya memohon untuk memiliki tanah yang butir-butir dan lakarnya seperti dilampirkan bersama bagi maksud:

.....

2. Saya/Kami mempunyai Hektar/ekar tanah dalam negeri seperti di bawah ini:

Negeri	Hakmilik	Jenis tanaman	Luas tanah yang ditanam

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, no pendaftaran, perakuan pendaftaran syarikat/pertubuhan/persatuan dan alamat saya/kami ialah:

.....

4. Saya/Kami dengan sesungguhnya mengaku bahawa butir-butir mengenai diri saya/kami:

- i. Tarikh lahir(sila lampirkan salinan sijil beranak)
- ii. Tempat lahir
- iii. Bangsa
- iv. Warganegara

-
- v. Pekerjaan
- vi. Pendapatan
- vii. Status: Berkahwin/belum berkahwin
- viii. Tempat bertugas
- ix. Alamat tempat bertugas
